



جابتن حال احوال اڪام اسلام قولاو قينغ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG
LEBUH PANTAI
10300 PULAU PINANG



Tel : 04-684 7000
Faks : 04-684 7777
Laman Web : <http://jaipp.penang.gov.my>

Ruj.Kami : JHEAIPP.D.100-6/1/21 Jld.3 (19)
Tarikh : 16 Zulkaedah 1447H
4 Mei 2026M

Imam Besar Masjid Negeri
Imam Kanan Masjid Bandaraya
Semua Imam Utama Masjid Daerah
Semua Pengerusi Kariah

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Tuan,

PEMATUHAN PERATURAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM DI MASJID-MASJID NEGERI PULAU PINANG

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa selaras dengan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 yang sedang berkuat kuasa, hanya individu yang telah diberikan tauliah mengajar agama dan tauliah berkhotbah yang sah oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sahaja dibenarkan menyampaikan ceramah/kuliah agama dan khutbah di mana-mana masjid dalam negeri ini.

3. Pembahagian kategori Tauliah Mengajar Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang baharu, Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 yang telah diperkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 7 Februari 2025 adalah seperti yang berikut:

- Kategori A (Tauliah Mengajar Agama & Ceramah Umum);
- Kategori B (Tauliah Mengajar Fardhu Ain);
- Kategori C (Tauliah Mengajar Al-Quran dan Tajwid);
- Kategori D (Tauliah Berkhotbah); dan
- Kategori E (Tauliah Khas)

4. Seksyen 119 (1). Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (Pindaan) 2023 menyatakan bahawa

“Mana-mana orang yang mengajar agama Islam atau apa-apa aspek tentang agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 118 adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. “

Ruj.Kami : JHEAIPP.D.100-6/1/21 Jld.3 (99)
Tarikh : 15 Zulkaedh 1447H
4 Mei 2026M

PEMATUHAN PERATURAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM DI MASJID-MASJID NEGERI PULAU PINANG

5. Peraturan 22 - Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 menyatakan bahawa

"Tiada seorang pun boleh diterima sebagai pengajar, melainkan jika dia diberikan tauliah."

6. Peraturan 28 - Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 menyatakan bahawa

"Tiap-tiap pengajar yang telah diberikan Sijil Tauliah Mengajar dan Kad Perakuan Tauliah Mengajar di bawah subperaturan 27(1) hendaklah, dalam melaksanakan tugasnya, tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) tidak berkelakuan dengan cara yang boleh mencemarkan agama Islam;
- (b) tidak disabitkan atas suatu kesalahan jenayah oleh mana-mana mahkamah di Malaysia;
- (c) tidak mengajar dan menyebarkan apa-apa ajaran yang bertentangan dengan pegangan *Ahli Sunnah Wal Jamaah*;
- (d) tidak menyentuh apa-apa perkara yang berhubungan dengan kemuliaan, kedaulatan dan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan mana-mana Raja sebagai Ketua Agama Islam sesuatu negeri;
- (e) tidak menyinggung perasaan mana-mana kaum, agama, adat resam dan budaya penduduk tempatan yang boleh membawa ketegangan;
- (f) tidak menghina atau memperlekehkan perkara *khilafiah* yang terdapat dalam Hukum Syarak;
- (g) tidak menyentuh isu politik kepartian;
- (h) tidak menyentuh secara langsung hal peribadi mana-mana individu;
- (i) tidak menghina mana-mana pihak berkuasa agama;
- (j) tidak mengambil kesempatan untuk mempromosikan apa-apa perkara bagi kepentingan diri, kumpulan atau pertubuhan tertentu;

Ruj.Kami : JHEAIPP.D.100-6/1/21 Jld.3 (99)
Tarikh : 16 Zulkaedah 1447H
4 Mei 2026M

PEMATUHAN PERATURAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM DI MASJID-MASJID NEGERI PULAU PINANG

- (k) mematuhi apa-apa peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa agama dari semasa ke semasa; dan
- (l) mematuhi syarat lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa.

7. Peraturan 29.(1) dan (5) - Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 menyatakan bahawa

“Mana-mana pemegang tauliah hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa untuk memperbaharui tauliah selewat-lewatnya tiga bulan sebelum tamat tempoh tauliah tersebut” dan

“Mana-mana pemegang tauliah yang gagal membuat permohonan pembaharuan dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah dikeluarkan daripada Daftar Tauliah Mengajar.”

8. Peraturan 36 - Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 menyatakan bahawa

“Tertakluk kepada subperaturan 40(2), tiada seorang pun boleh menganjurkan apa-apa aktiviti pengajaran agama Islam di Negeri Pulau Pinang melainkan jika dia telah diberikan kebenaran bertulis oleh Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa.”

9. Peraturan 38 (1) - Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 menyatakan bahawa

“Tiap-tiap orang yang memohon kebenaran untuk menganjur program di bawah peraturan 37 hendaklah—

- (a) memastikan pengajar tersebut memiliki tauliah untuk mengajar agama Islam yang diberikan di bawah peraturan 27;
- (b) mematuhi apa-apa peraturan yang dikenakan oleh pihak berkuasa;
- (c) memastikan pengajar tersebut memiliki dokumen yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen di bawah Akta Imigresen 1959/1963 [Akta 155] dan surat kebenaran daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, jika pengajar bukan warganegara Malaysia; dan

Ruj.Kami : JHEAIPP.D.100-6/1/21 Jld.3 (99)
Tarikh : 15 Zulkaedah 1447H
4 Mei 2026M

**PEMATUHAN PERATURAN TAULIAH MENGAJAR AGAMA ISLAM DI
MASJID-MASJID NEGERI PULAU PINANG**

(d) memastikan pengajar tersebut mematuhi syarat ditetapkan di bawah peraturan 28.

10. Peraturan 45 - Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 menyatakan bahawa

“Mana-mana orang yang menganjurkan pengajaran agama Islam tanpa kebenaran Pengarah atau pegawai yang diberi kuasa adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”

11. Peraturan 47 - Peraturan-Peraturan Pentadbiran Aktiviti Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2025 menyatakan bahawa

“Mana-mana orang yang memberi maklumat palsu dalam permohonan Tauliah Mengajar atau permohonan penganjuran pengajaran agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi setahun atau kedua-duanya.”

12. Permohonan Kebenaran Penganjur yang melibatkan penceramah dalam negeri atau negara hendaklah dihantar ke jabatan ini menerusi Bahagian Dakwah dalam tempoh dua (2) minggu sebelum tarikh ceramah. Manakala permohonan Kebenaran Penganjur yang melibatkan penceramah daripada luar negara hendaklah dihantar dalam tempoh sebulan sebelum tarikh ceramah.

13. Pemakluman ini dikeluarkan bagi memastikan keseragaman pengurusan tauliah serta menjamin penyampaian khutbah yang selaras dengan dasar, garis panduan dan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama negeri. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Dato'/Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MARZUKI BIN HASSAN)

Pengarah,

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.